

252

SOALAN NO. 296

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 5 MAC 2018 [ISNIN]

SOALAN :

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah penduduk wanita di Malaysia, tahap pendidikan dan berapa peratus yang terlibat dalam bidang pekerjaan. Apakah rancangan dan tindakan Kementerian mengoptima peranan dan sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Wanita memainkan peranan yang besar dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Berdasarkan rekod oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017 populasi wanita di Malaysia adalah berjumlah 15.5 juta dan merupakan 48% daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Bagi tahap pendidikan wanita di Malaysia, kadar celik huruf yang direkodkan adalah 93.4% bagi tahun 2016. Manakala bagi kadar pendaftaran (*enrollment*) pelajar perempuan untuk pendidikan rendah adalah 1,354,881 pelajar, pendidikan menengah adalah 1,143,410 pelajar manakala peratusan bagi pendidikan *tertiary* adalah 61.87%. Peratusan pelajar wanita di Institut Pengajian Tinggi telah mencapai 60% semenjak tahun 2003.

Dalam bidang pekerjaan, berdasarkan **penyiasatan tenaga buruh** yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan sehingga Disember 2016 adalah 54.6%.

Bagi mengoptimumkan peranan dan sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dari 55% pada tahun 2015 kepada 59% pada tahun 2020.

Antara inisiatif yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan akses kepada Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) dengan menggalakkan penambahan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti di komuniti, tempat kerja awam dan swasta. Apabila terdapat ECCE yang efektif, wanita akan dapat menyertai pasaran tenaga kerja dengan tenang. Bagi mempertingkatkan sistem sokongan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pihak majikan serta pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) untuk menyediakan perkhidmatan ini. Antara inisiatif tersebut adalah:

- (a) pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan TASKA di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun;
 - (b) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elauan bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta; dan
 - (c) insentif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elauan atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak.
-
- (ii) melipatgandakan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita dalam menyertai bidang pekerjaan dapat dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang (*work life balance*), amalan kerja anjal (*Flexible Working Arrangements, FWA*) termasuk pilihan untuk bekerja dari rumah;

- (iii) memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui Program *1Malaysia Support for Housewives (1MS4H)* yang merupakan salah satu inisiatif *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah (LIH) melalui program Pendaftaran dan Penempatan Suri Rumah Melalui Portal JobsMalaysia;
- (iv) memperluaskan program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp untuk menggalakkan wanita yang berkelayakan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan komitmen keluarga untuk kembali bekerja melalui kerjasama dengan pihak swasta;
- (v) insentif pengecualian cukai bagi majikan yang menyertai program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp. Kemudahan diberikan kepada majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang *women-friendly*. Antara kemudahan yang ditawarkan ialah:

- (i) potongan cukai berganda bagi perundingan dan kos latihan yang ditanggung oleh majikan untuk melaksanakan dan meningkatkan amalan FWA dalam organisasi mereka; dan
 - (ii) pemberian geran sebagai sokongan dan insentif kepada majikan yang ingin menyediakan program untuk melantik wanita yang kembali kerja selepas *career break*.
-
- (vi) penganugerahan *Life at Work Awards* yang dilaksanakan dengan kerjasama, TalentCorp bagi mengiktiraf majikan yang mempunyai amalan kerja mesra keluarga di tempat kerja.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini, Kerajaan menasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja dapat terus ditingkatkan dalam usaha mengoptimumkan peranan dan sumbangaan wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara.

28
SOALAN (297)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

SOALAN :

**YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik usahawan Kuala Nerus yang berjaya melalui program atau skim yang disediakan oleh PUNB dan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan dalam tempoh (5) tahun terakhir ini bagi meramaikan lagi penglibatan Bumiputera.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Malaysia 1965 dan merupakan sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) yang memulakan operasi perniagaanya semenjak tahun 1992. PUNB telah ditugaskan untuk membangunkan *owner operator* dalam bidang keusahawanan dan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan ekuiti Bumiputera dalam perniagaan.

Objektif penubuhan PUNB adalah seperti berikut:-

- Menambah jumlah dan meningkat kualiti usahawan Bumiputera dalam sektor industri dan komersil.
- Menggalakkan pembentukan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan di dalam industri strategik.
- Menyalurkan budaya keusahawanan di kalangan usahawan Bumiputera dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Bagi membantu usahawan Bumiputera dalam sektor perdagangan runcit dan pengedaran, PUNB telah menyediakan pembiayaan perniagaan seperti berikut:

- Skim PKS diperkenalkan bagi membangunkan usahawan Bumiputera dalam sektor Pembuatan, Kejuruteraan & Servis yang berdaya maju dan berpotensi.
- Skim PROSPER Pemborong memberi tumpuan kepada aktiviti belian dan jualan pukal serta bekalan dan pengedaran. Usahawan yang dibangunkan akan membantu dan menyokong daya saing peruncit Bumiputera melalui penyediaan sumber barang dan bekalan pada kos yang berpatutan.
- Skim PROSPER Runcit untuk menambah dan meningkatkan kualiti usahawan Bumiputera dalam sektor peruncitan.
- Skim PROSPER TERAS untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan strategik, terutama dalam sektor bukan tradisi yang kurang penglibatan Bumiputera. Skim ini memberi tumpuan kepada 5 sektor utama seperti automotif, bahan binaan dan perkakasan, perkhidmatan profesional, telekomunikasi serta pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak.

- Skim PROSPER Usahawan Muda (PUMA) diperkenalkan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan.
- Skim PROSPER Premis untuk membolehkan usahawan Bumiputera menjalankan perniagaan di lokasi strategik dengan kadar sewa yang munasabah, perjanjian sewaan lebih adil dan jangkamasa sewaan yang lebih panjang.

Hingga kini, PUNB telah memberi pembiayaan kepada 12 syarikat usahawan Bumiputera dengan jumlah pembiayaan RM5.25 juta di Kuala Nerus, Terengganu melalui program pembiayaan keusahawanan PUNB yang telah diperkenalkan.

Untuk memperkuuhkan dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan, PUNB telah melaksanakan inisiatif berikut bagi tempoh 5 tahun terakhir ini:

- Meningkatkan penyertaan Usahawan Bumiputera di lokasi strategik termasuk pusat beli belah terkemuka melalui:
 - Pemilikan Jenama antarabangsa – membantu usahawan mendapatkan hak membawa masuk jenama antarabangsa yang terkemuka ke Malaysia, dan

- Memperkasakan jenama tempatan – memperkuuhkan dan memperbanyak jenama tempatan yang dapat ditempatkan di lokasi yang strategik dalam industri peruncitan
- Membangunkan juara industri dan rantaian bekalan – memperkasa jenama tempatan yang dibangunkan sebagai rantaian peruncitan agar dapat mewujudkan lebih ramai usahawan sebagai juara industri. Antaranya dalam sektor makanan dan minuman, perkakasan & bahan binaan dan produk IBS, pendidikan pra sekolah, peruncitan, tekstil dan barang bayi dan aksesori.
- Meningkatkan penyertaan usahawan muda dalam projek mega melalui kerjasama diantara PUNB dan MRT Corp melalui program MRT Young Entrepreneur Project (MYEP). PUNB turut mewujudkan kolaborasi bersama CIDB bagi melatih perantis yang berkelayakan untuk menjalani latihan bagi memperoleh lesen-lesen kontraktor.
- Program Budding PUMA diperkenalkan untuk membantu meningkatkan bilangan penyertaan siswazah muda Bumiputera dalam pasaran runcit dan pengedaran dengan menyediakan pembiayaan kepada mereka. Program ini adalah untuk memupuk /

merangsang minat siswazah Bumiputera memilih keusahawanan sebagai profesion selepas mereka menamatkan pengajian.

- SME PUNB Property Financing-i (SPPF-i) adalah salah satu inisiatif yang diperkenalkan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera bagi tujuan pemilikan asset dan modal kerja. Program ini adalah hasil kerjasama diantara PUNB dan Maybank Islamik Berhad (MIB).

Sehubungan ini, industri peruncitan dan pemborongan telah kenalpasti sebagai salah satu industri yang penting di mana ia telah disenaraikan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Sepanjang 25 tahun penubuhan PUNB, industri peruncitan dan pemborongan dilihat sebagai satu industri yang mampu untuk kekal berdaya saing dalam apa jua keadaan ekonomi berbanding dengan industri pembuatan dan teknologi.

Selari dengan visi dan misi PUNB iaitu untuk menjadi pusat kecemerlangan terulung dalam pembangunan keusahawanan, PUNB akan secara berterusan menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera mencapai kejayaan dalam perniagaan melalui sokongan kewangan dan korporat. Tanggungjawab yang diamanahkan kepada

PUNB ini akan dipergiatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11) untuk mencapai aspirasi pembangunan ekonomi negara.

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018